



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA
Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(A)MEL/04/35 82)
Tarikh : 2 Disember 2025
Bersamaan : 11 Jamadilakhir 1447H

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Tuan / Puan,

ARAHAN KERJA BIL. 82/2025/O : PROSES TERIMAAN SECARA *ELECTRONIC FUND TRANSFER* (EFT) KE AKAUN TERIMAAN UTAMA PEJABAT PERAKAUNAN


Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Arahan Kerja Bil. 57/2025/O bertarikh 12 September 2025 adalah berkaitan.

2. Berdasarkan kepada perbincangan Jabatan ini, melalui Mesyuarat Penutupan Akaun Tahun 2025 bersama pihak bank dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang telah diadakan pada 27 November 2025, bersetuju bahawa semua terimaan EFT secara *one-off* ke akaun terimaan utama Jabatan ini mulai **29 Disember 2025 (Isnin)** perlu dipantau rapi oleh PTJ.
3. Oleh itu, sebarang terimaan EFT secara *one-off* hendaklah dimaklumkan **segera** kepada Jabatan ini untuk semakan dan pengeluaran notifikasi terimaan.
4. Sehubungan itu, PTJ hendaklah mengeluarkan resit dan penyata pemungut pada tarikh terima notifikasi daripada Jabatan ini selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 3 Tahun 2025, Tatacara Pengurusan Terimaan.
5. Kerjasama dari tuan/puan adalah dipohon bagi memastikan semua urusan terimaan bagi tahun 2025 dapat diselesaikan selewat-lewatnya sebelum atau pada 31 Disember 2025.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,


(**MOHD ASRI BIN YUSOF** ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CPFA(UK), C.A.(M))
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Negeri Melaka.